



18 MAR, 2023

Jonghyun mampu jadi pemusnah

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2



Kapten THT, Mohd Fitri Saari (dua dari kiri) dan kapten TNB, Syed Mohamad Syafiq Syed Cholan bersama Piala TNB 2023 menjelang aksi final di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, semalam.

(Foto BERNAMA)

Final Piala TNB

Jonghyun mampu jadi pemusnah

Kuala Lumpur: Skuad hoki Tena-ga Nasional Berhad (TNB) berwas-pada dengan ancaman pakar pukulan sudut penalti Pasukan Hoki Terengganu (THT), Jang Jonghyun yang dilihat mampu me-njadi pemusnah impian pasukan itu untuk mempertahankan Piala TNB musim ini.

TNB dijadual membuat perhi-tungan dengan THT dalam per-lawanan akhir Piala TNB hari ini, aksi ulangan final edisi tahun lalu yang menyaksikan TNB muncul juara menerusi kemenangan 3-2.

Jurulatih TNB, Nor Saiful Zaini Nasiruddin, berkata pasukannya turun dengan misi untuk mem-pertahankan gelaran juara selain menghalang THT daripada mem-

bolot semua trofi musim ini selepas muncul juara Liga Hoki Malaysia (MHL) dan Piala Sumbangsih.

“Kami akui Jang adalah pemain yang sangat berpengalaman di mana dia tahu posisi terbaik setiap kali perlawanan, berbanding awal liga bermula kita sudah kekurangan pemain tengah sebab cedera jadi banyak posisi pemain yang cuba kita sesuaikan.

“Macam sekarang sudah sampai final sudah pasti kami mahu henti-kan kemaraan THT untuk menang sampai tiga trofi musim ini, namun saya tidak mahu memberikan tekanan kepada pemain sebab sudah pasti mereka tidak dapat keluarkan permainan terbaik,” katanya ketika sidang media, semalam.

Sementara itu, kapten THT, Mohd Fitri Saari mengakui pasukannya mengimpikan untuk me-namatkan penantian 10 tahun bagi meraih gelaran ‘treble’ selepas di-nafikan oleh TNB pada tahun lalu.

Dia percaya kejayaan menuju-lang Piala Sumbangsih dan mun-cul juara liga pada awal musim mampu menjadi motivasi buat pasukan untuk diterjemahkan da-lam aksi final.

“Kita cuba rampas kembali Pia-la TNB yang terlepas tahun lepas kepada pasukan sama. Oleh itu, kita tidak boleh pandang rendah terhadap kebolehan mereka untuk cipta sejarah memenangi treble se-lepas 10 tahun pasukan THT ditu-buhkan,” katanya.